

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 JULY 2016

Mara disyor sambut Hari Tun Razak

Um - 29/7/2016

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**

PUTRAJAYA 28 Julai - Mara dicadangkan untuk menganjurkan 'Hari Tun Abdul Razak' pada setiap tahun sebagai tanda memperingati sumbangan dan jasa bekas Perdana Menteri itu terhadap pemerikasaan kaum Melayu dan bumiputera di negara ini.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sambutan hari tersebut boleh dilakukan setiap kali Mara menyambut ulang tahun penubuhannya menerusi penganjuran pelbagai aktiviti.

"Pengisian program ini boleh difikirkan nanti tetapi terasnya adalah untuk membuat penilaian atau muhasabah diri bagi mengukur kejayaan Mara sejajar

aspirasi Abdul Razak.

"Saya percaya menerusi usaha sebegini dapat memberi semangat kepada anak-anak muda mengenai kebijaksanaan Allahyarham dalam membangunkan Malaysia pada era pasca kemerdekaan," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Gagasan Pemikiran Tun Abdul Razak di sini hari ini.

Yang turut hadir, timbalan beliau, Datuk Alexander Nanta Linggi, Ketua Pengarah Mara, Datuk Ibrahim Ahmad dan Ketua 1 Gabungan Penulis-Penulis Nasional Malaysia (Gapena), Datuk Zainal Abidin Borhan.

Seminar Gagasan Pemikiran Tun Abdul Razak dianjurkan bersempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Mara Ke-50 dengan kerjasama Gapena ber-

tujuan untuk mengimbuai kembali jasa ditinggalkan oleh Perdana Menteri kedua Malaysia.

Dalam masa sama, Ismail Sabri memberitahu, penubuhan Mara, Felda, Felcra dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) merupakan antara sumbangan Abdul Razak sejajar matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Kita harus mengakui kejayaan hari ini adalah hasil daripada landasan yang disediakan oleh semua Perdana Menteri terdahulu termasuk Allahyarham walaupun mentadbir negara dalam tempoh singkat.

"Tetapi sepanjang tempoh itu, beliau telah membuktikan dengan pembangunan dan kejayaan ekonomi yang luar biasa sehingga ke hari ini," ujar beliau.